

**Tee Keat kata tiada pilihan jika dipaksa tinggalkan MCA**  
**Malaysian Insider**  
**April 19, 2013**  
**Oleh Boo Su-Lyn**

KUALA LUMPUR, 19 April — Datuk Seri Ong Tee Keat mengatakan hari ini beliau tidak mahu meninggalkan MCA akan tetapi kehendak rakyat lebih penting dalam Pilihan Raya 2013.

Peyandang ahli Parlimen Pandan itu walau bagaimanapun tidak menyatakan sama ada beliau akan bertanding dalam pilihan raya 5 Mei selepas MCA meletakkan peguam Gary Lim di kerusi tersebut.

"Sekarang saya berada dalam keadaan tersepit," kata Ong dalam wawancara dengan akhbar berbahasa Melayu Sinar Harian yang disiarkan hari ini.

"Saya sudah tiada pilihan lain, ini satu-satunya percaturan. Mula-mula jatuhkan saya, pinggirkan saya dan kemudian singkirkan saya. Bagaimanapun parti bukan satu-satunya cara untuk kita berjuang, tetapi semangat dan hati kita yang lebih penting ke mana perjuangan kita," tambah beliau.

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli yang akan bertanding di kerusi Pandan mengatakan semalam perlawanan tiga penjuror akan menguntungkan Barisan Nasional (BN).

Penyokong Ong telah menganjurkan beberapa perhimpunan sejak beberapa hari lepas untuk menyokong penyandang ahli parlimen itu, akan tetapi dengan hari penamaan calon pada esok, Ong masih belum memberikan komitmen untuk bertanding.

Dr. Chua Soi Lek menggantikan Ong sebagai presiden MCA pada 2010, tapi Ong masih kekal popular di kalangan pengundi Cina dengan jumlah sokongan yang ketara di dalam BN.

Ong berkata hari ini rakan-rakannya dalam MCA menyatakan kebimbangan beliau dibuang daripada parti itu sekiranya bertanding dalam pilihan raya umum ke 13 sebagai calon bebas.

"Perkara ini sudah saya fikirkan. Ini adalah percaturan pimpinan MCA, selepas PRU13 ada pemilihan parti. Tetapi kalau saya terpaksa buat satu penilaian, saya lebih menitik beratkan citarasa dan aspirasi rakyat berbanding parti," katanya.

Ong mengatakan beliau menerima banyak sokongan diperingkat akar umbi.

"Jujurnya saya terharu sokongan yang diberi ramai pihak terutamanya rakyat di Pandan," katanya.

"Semua orang boleh lihat pusat khidmat saya dan klinik bergerak saya berkembang dengan pesat. Kejayaan ini bukan datang daripada saya seorang, tetapi masyarakat setempat dan NGO yang banyak membantu saya," tambah Ong.

Dr Chua dilaporkan berkata semalam MCA memutuskan untuk menggugurkan Ong kerana beliau selalu mengkritik parti komponen BN, mengatakan ianya tidak relevan.

Ong, walau bagaimanapun, mempersoalkan alasan Dr Chua untuk memancunginya dari senarai calon parti.

"Maka kena nyatakan dalam Perlembagaan parti atau maklumkan pada seluruh negara bahawa pemimpin parti ini tidak boleh dikritik. Cakap terus terang," kata Ong.

"Kalau benar saya melanggar peraturan dan menjatuhkan maruah parti, sepatutnya saya dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti," tambah beliau.

Pemerhati juga merasakan peluang BN untuk mempertahankan Pandan lebih baik jika Ong sebagai calon terutamanya apabila berhadapan dengan Rafizi dari PKR.

MCA menang 15 daripada 40 kerusi parlimen yang ditandinginya pada Pilihan Raya 2008; tujuh daripadanya terletak di Johor.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tee-keat-kata-tiada-pilihan-jika-dipaksa-tinggalkan-mca/>